

Permit pasir diperketat

» *Projek dipastikan tidak mengganggu penduduk*

Oleh Ifwan Tun Tuah
ifwan@bh.com.my

► Seremban

Kerajaan negeri akan memperketatkan syarat kelulusan permit mengeluarkan pasir di negeri ini bagi memastikan penduduk tempatan tidak terjejas dengan aktiviti berkenaan.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata pihaknya akan mengenakan syarat supaya pengusaha membina jalan berasingan untuk kenderaan mereka keluar dan masuk dari kawasan terbabit supaya tidak mengganggu penduduk.

“Sebenarnya dalam aktiviti

melombong galian, kita sudah mempunyai syarat sedemikian. Kita mengeluarkan dua jenis lesen bagi aktiviti melombong, iaitu lesen penerokaan yang diberi untuk pengusaha membuat kajian sama ada terdapat hasil galian atau tidak, serta lesen melombong.

Syarat lesen melombong

“Dalam lesen melombong kita menetapkan mereka perlu membina jalan berasingan untuk membawa keluar hasil galian. Kita akan menetapkan syarat sama dalam setiap kelulusan permit mengeluarkan pasir selepas ini,” katanya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rantau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Loke Siew Fook (DAP-Chennah) mengenai pemberian permit pengeluaran pasir di kawasan berhampiran Taman Mawar, Titi, Jelebu, dekat sini.

Mohamad berkata, beliau akan meminta Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu untuk menyiasat dakwaan penduduk



Mohamad Hasan

mengenai lori menggunakan laluan di taman berkenaan untuk membawa keluar pasir sehingga membahayakan keselamatan penduduk, terutama kanak-kanak.

Menjawab soalan Mohd Isam Mohd Isa (BN-Gemencheh), Mohamad berkata, Empangan Gemencheh yang dibina pada tahun 2000 gagal berfungsi sebaiknya kerana antaranya sumber air mentah yang sedikit, tidak menerima hujan yang cukup selain dikelilingi kawasan tadahan air yang ke-

cil, malah sebahagiannya ditanam dengan tanaman sawit yang menyerap banyak air.

Sumber bekalan

Mohamad memberi penjelasan mengenai punca kegagalan empangan itu membekalkan air secukupnya kepada penduduk daerah Tampin dan Rembau yang bergantung sumber bekalan daripada empangan berkenaan.

Beliau berkata, kawasan itu juga mempunyai angin lintang yang kuat berikutan terletak di hujung Banjaran Titiwangsa, sekali gus menyebabkan usaha pembenihan awan tidak berlaku seperti dirancang apabila awan yang menurunkan hujan ditolak ke tempat lain.

“Air empangan itu tidak pernah penuh. Ini adalah keadaan sebenar. Bagaimanapun, kita melalui Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) melakukan pelbagai usaha jangka pendek, sederhana dan panjang untuk mengatasi masalah bekalan di dua daerah terbabit,” katanya.